

521

MAHATHIR - SAINS

JITRA, 8 OGOS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEGASKAN PENTINGNYA PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM USAHA MENYEDIAKAN ALAT-ALAT SENJATA UNTUK MEMPERTAHKAN NEGARA.

KATANYA NEGARA SEKARANG MEMERLUKAN GOLONGAN MEMERINTAH DAN MEMPUNYAI KEKUATAN DALAM SEGALA BIDANG TERUTAMA HENDAK MENGEKALKAN KESELAMATAN NEGARA.

BAGAIMANA PUN, KATANYA, PELAJARAN UGAMA JUGA PENTING KERANA DAPAT MEMBERI KEKUATAN JIWA.

DR. MAHATHIR TELAH MERESMIKAN KHEMAH DAKWAH ISLAM ANJURAN GERAKAN BELIA 4B DAERAH KUBANG PASU DI RANCANGAN FELDA GUAR TAPAI, 10 BATU DARI SINI.

TURUT HADHIR IALAH PENGARAH PELAJARAN KEDAH, ENCIK JUMAAT BIN MOHAMED NOOR, PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, ENCIK TAJUDDIN BIN HAJI HASHIM, WAKIL RAKYAT KAWASAN JITRA, ENCIK OSMAN AROF DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN TUNJANG, ENCIK ISMAIL BIN HANAFI.  
-- BERSAMBUNG 1333/YF

523

MAHATHIR - SAINS 2 JITRA

DR. MAHATHIR MENYATAKAN PERPADUAN UMAT ISLAM SEPERTI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI MERUPAKAN ASAS UNTUK MENGUJUDKAN KETENTERAMAN.

OLEH ITU, KAUM BELIA HENDAKLAH MENERUSKAN KEGIATAN DAKWAH MENINGKIKAN SYIAR ISLAM.

PENGERUSI GERAKAN BELIA 4B KEDAH, ENCIK SAFIROL BIN HAJI HASHIM BERKATA TIAP-TIAP TAHUN, KIRA-KIRA 300 ORANG BELIA DAN BELIAWANIS MENYERTAI KEGIATAN BERHUBUNG DENGAN PERKEMBANGAN UGAMA ISLAM.

ANTARA KEGIATAN YANG DIADAKAN IALAH PERTANDINGAN QURAN, NASYID DAN DEKLAMASI SAJAK YANG MELAMBANGKAN KEAGUNGAN ISLAM. -- BERNAMA 1335/YF